**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 15 Nov2021 (Monday)

**Utusan Malaysia**
Kes ADUN Morib dirujuk ke IPK Selangor 1

**Harian Metro**
50 pendaki masuk tanpa permit 2

**Sinar Harian**
Jangan gajah lawan gajah, pelanduk dapat hasil 3
50 pendaki HSK Semangko tanpa permit ditahan 4
ADUN Morib nafi pukul bekas isteri 5

**Berita Harian Online**
'Panas di luar, panas juga di dalam' 6

**KOSMO Online**
2,000 siakap percuma diagih kepada penduduk DUN Jeram 7

**Malaysiakini Online**
Adun Morib mengaku lafaz cerai melalui WhatsApp, kata bekas isteri 8
Polis sahkan siasat Adun Morib berhubung dakwaan pukul bekas isteri 9

**myMetro On-line**
Meraih keberkatan dalam perniagaan 10
2,000 siakap percuma untuk golongan kurang mampu 11
Red Giants ada formula perangkap KL City 12

**Selangor TV**
ADN Peruntuk RM50,000 Bagi Program Back To School 13

**Sinar Harian Online**
700 peserta dijangka sertai sidang digital terbesar Selangor 14

**Utusan Malaysia Online**
Polis sahkan siasat ADUN Morib dakwaan pukul bekas isteri 15
Sultan Alauddin yang warak, berpengetahuan 16
Undi18: Kerajaan Selangor akan pinda Undang-Undang Tubuh Selangor 17

**The Star**
Flash floods plague couple in Klang's Southern Park 18
COUNCIL MATTERS 19
State Speaker gets most votes in S'gor DAP polls 20

**New Straits Times Online**
MPKj says it has no expertise to check on funfair equipment 21

**The Star Online**
Elitists vs Grassroots in S'gor DAP polls 22
Road closure to fix sinkhole on Jalan Awan Jawa, KL 23

**China Press**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991


| | |
|---|---|
| Gobind Singh: Selangor government is looking for amend the law to allow 18-year-olds to vote. | 24 |
| The issue of 2 men fell from the ferris wheel; playground shutdown for investigation. | 25 |
| Ng Suee Lim: The current investigation stage does not affect the position of deputy speaker for the time being. | 26 |
| There are more and more outsider hawkers, they are rushing to set up stalls in the "3rd market" of Sungai Long. | 27 |
| SDEC will be held on the 19th and 40 companies will participate | 28 |
| The Selangor Legislative Council seeks to amend the electoral law to allow 18-year-old youths to participate in elections. | 29 |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**15 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Kes ADUN Morib dirujuk ke IPK Selangor |
| Muka Surat | : | 11 |

# Kes ADUN Morib dirujuk ke IPK Selangor

**KUALA LANGAT:** Kertas siasatan kes Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Morib, Selangor, Hasnul Baharuddin berhubung laporan didakwa memukul bekas isterinya akan dirujuk kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor minggu ini.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintenden Ahmad Ridhwan Mohd. Nor @ Saleh berkata, pihaknya akan merujuk kes berkenaan dengan Bahagian Perundangan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) untuk arahan selanjutnya.

Katanya, keterangan Hasnul, bekas isterinya, Juliani Jalilah Abdullah, 38, dan ahli keluarga sudah diambil pihaknya sebelum ini.

"YB (Yang Berhormat) Hasnul dan saksi memberikan kerjasama baik sepanjang proses siasatan.

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada perundangan JSJ IPK Selangor dalam minggu ini untuk arahan lanjut," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan polis mengesahkan sudah memulakan siasatan terhadap Hasnul Baharuddin berhubung dakwaan memukul Juliani Jalilah.

Siasatan itu dijalankan berdasarkan laporan polis yang dibuat oleh wanita berkenaan pada bulan lalu.

Jelas Ahmad Ridhwan, kes pihaknya menerima laporan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan/ Seksyen 18 A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Ketika ditanya mengenai sama ada wujud kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi kes itu, beliau memaklumkan tiada perkara berkenaan setakat ini.



**AHMAD RIDHWAN MOHD. NOR @ SALEH**

Terdahulu, akhbar melaporkan pihaknya melihat laporan polis dibuat Juliani Jalilah berhubung kejadian yang didakwa berlaku ketika mereka masih pasangan suami isteri.

Berdasarkan portal itu, Hasnul yang juga Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor mendakwa laporan berkenaan dibuat dengan 'niat jahat' selepas perceraian mereka.

Juliani Jalilah menerusi laporannya mendakwa Hasnul memukulnya sehingga cedera di muka di rumah mereka di Banting, kira-kira pukul 11 malam, 21 Ogos lalu.

Laporan polis dibuat beberapa bulan selepas kejadian untuk dikemukakan bagi rujukan Mahkamah Syariah dan tindakan lanjut terhadap Hasnul.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 15 November 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | 50 pendaki masuk tanpa permit |
| Muka Surat | : | 17 |

# 50 pendaki masuk tanpa permit

**Hulu Selangor:** Walaupun sudah diberi peringatan berulang kali oleh pihak berkuasa supaya mendapatkan permit sah untuk memasuki hutan simpan kekal (HSK), 50 individu sebaliknya bertindak nekad memasuki lokasi berkenaan.

Terbaharu, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) mengesan aktiviti pendakian secara haram membabitkan pendaki berusia 21 hingga 50 tahun di HSK Semangko, dekat sini, kelmarin.

Pengarah JPNS, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, aktiviti berskala besar itu dikesan menerusi operasi khas penguatkuasaan yang dilakukan bermula jam 8 pagi dan berakhir 6 petang.

Beliau berkata, operasi disertai sepasukan 19 pegawai Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor (PHDHS) dan dua anggota polis.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**15 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Jangan gajah lawan gajah, pelanduk dapat hasil |
| Muka Surat | : | 6 |



ANALISIS

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

# Jangan gajah lawan gajah, pelanduk dapat hasil

Pada Jumaat, suhu perbalahan politik di antara parti-parti blok kerajaan dalam menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka sudah mencapai tahap kemuncak.

Semua ini gara-gara kenyataan tegas Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memberi amaran kepada Ketua UMNO bahagian Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Samad agar tidak mencabarnya menekan 'butang' penting yang boleh menyebabkan kejatuhan beberapa kerajaan negeri dan Pusat.



MOHAMAD KHIR

Amaran serius itu dilemparkan Muhyiddin sejurus Shahrir mencabar bekas Perdana Menteri itu supaya segera mengarahkan pemimpin PN dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) untuk menarik sokongan terhadap kerajaan negeri Johor jika beliau berani.



MOHD ASHRAF MUSTAQIM

Cabaran Shahrir itu pun ada asasnya. Kenyataan beliau itu adalah reaksi tindak balas terhadap kata-kata Muhyiddin yang mendakwa kerajaan negeri Johor pimpinan UMNO dan Barisan Nasional (BN) tidak ditumbangkan atas sifat prihatin PN kepada rakyat.

Sebenarnya konflik perbalahan BN dan PN sudah pun bermula apabila kedua-dua koalisi itu memutuskan tidak bekerjasama di antara satu sama lain bagi menghadapi PRN Melaka.

Bahkan, beberapa pemerhati politik menjangkakan implikasi PRN Melaka sebenarnya bakal mengubah pola politik di peringkat Pusat dengan kemungkinan besar Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) akan diadakan lebih awal.

Meskipun Naib Presiden Pas, Senator Idris Ahmad dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Ahmad Maslan cuba mengendurkan konflik berkenaan dengan mengatakan pertembungan antara BN dan PN tidak lebih sekadar perlawanan persahabatan.

Namun, hakikat sebenar adalah impak kerosakan yang besar dalam hubungan parti-parti kerajaan telah pun berlaku dan semakin sukar untuk dipulihkan.

Perkara itu diakui oleh bekas Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo yang menyifatkan konflik perbalahan di antara BN dan PN atau secara spesifiknya antara UMNO dan Bersatu, sudah lebih bersifat peribadi dan semakin parah menjelang hari pengundian 20 November ini.

Hal ini ditambah apabila Muhyiddin 'termakan' provokasi Shahrir sekalipun bekas Ahli Parlimen Johor Bahru itu ketika ini bukan lagi pemimpin penting dalam UMNO.

"Saya fikir kempen PRN Melaka sudah menjadi medan BN dan PN merungkai dendam peribadi dengan kedua-dua koalisi menjadikan persaingan meluahkan 'kemarahan' antara satu sama lain semakin parah saban hari.

"Saya jangkakan keputusan PRN Melaka akan memberi kesan langsung kepada kestabilan kerajaan Pusat.

"Hal ini kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini hanya menandatangani perjanjian gencatan politik dengan PH, bukannya bersama PN dan pemimpin-pemimpin UMNO sendiri," katanya kepada *Sinar Premium* pada Ahad.

Mengenai reaksi balas mengejutkan Muhyiddin memandangkan beliau selama ini dianggap pemimpin *cool*, Mohamad Khir tidak menolak kemungkinan Presiden Bersatu itu masih marah dengan tindakan segelintir ahli Parlimen UMNO yang menjatuhkan beliau daripada kedudukan Perdana Menteri sebelum ini.

Tambah veteran UMNO itu, provokasi Shahrir itu seolah-olah menghidupkan 'api dalam sekam' yang telah lama dipendam Muhyiddin dengan beliau meramalkan PH akan mendapat manfaat sekiranya episod serang-menyerang di antara BN dan PN berterusan.

"Jangan kerana gajah lawan gajah, pelanduk yang dapat manfaat. Kalau perbalahan peribadi antara UMNO dan Bersatu berterusan sepanjang tempoh berkempen PRN, saya cuma nampak PH yang untung.

"Seharusnya parti-parti dalam kerajaan melupakan dendam peribadi sesama mereka, fokus kepada manifesto pilihan raya dan tidak menggunakan taktik memburukkan pihak lain bagi mencapai kemenangan.

"Paling penting, kedua-dua koalisi BN dan PN jangan menambahkan lagi minyak pada api 'kemarahan' masing-masing," katanya.



**Muhyiddin (kanan) dalam sidang medianya pada Jumaat naik berang selepas dicabar oleh Shahril untuk menarik sokongan terhadap kerajaan negeri Johor.**

## Persaingan kuasa

Sementara itu, seorang pemimpin Bersatu tidak merasakan tindakan provokasi Shahrir mewakili pandangan atau pendirian keseluruhan akar umbi dan kepimpinan UMNO terhadap PN.

Bagi Ketua Penerangan Armada Bersatu, Mohd Ashraf Mustaqim Badrul Munir, tindak-tanduk segelintir pemimpin UMNO terutamanya 'kluster mahkamah' cuba memecah-belahkan hubungan BN dan PN adalah disebabkan mereka mahu memastikan agenda pengekalan kuasa mereka di peringkat parti tercapai.

Tambah beliau, situasi pergolakan politik yang berlaku di Melaka, Sabah dan kerajaan Pusat ketika ini sebenarnya kesan persaingan pemusatan kuasa dan pergolakan dalaman UMNO dengan kelompok 'kluster mahkamah' ini dilihat sanggup melakukan apa sahaja demi mengekalkan dominasi hagemoni kelompok *warlord* tertentu.

"Peristiwa kejatuhan kerajaan negeri Parti Warisan Sabah (Warisan) di Sabah, kerajaan PN di Pusat dan kerajaan negeri UMNO di Melaka adalah indikator jelas *it's all about UMNO* dalam memenuhi agenda politik peribadi mereka.

"Secara fakta, Bersatu tidak pernah terlibat dalam agenda menjatuhkan kerajaan demi mengekalkan dominasi politik parti dan sekiranya perkara itu benar, Muhyiddin tidak akan sesekali meletakkan jawatan PM," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Ashraf Mustaqim berpandangan solusi penamat konflik antara BN dan PN hanya tercapai sekiranya pemimpin UMNO berani menonjolkan perubahan dengan tidak lagi mendukung kepimpinan *warlord* yang dipelopori 'kluster mahkamah'.

Jelasnya, perkara itu terserah kepada pemimpin UMNO yang dilihat lebih rasional dan progresif seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein atau Khairy Jamaluddin untuk memainkan peranan lebih besar dalam merangka perubahan UMNO.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 15 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | 50 pendaki HSK Semangko tanpa permit ditahan |
| Muka Surat | : | 30 |

# 50 pendaki HSK Semangko tanpa permit ditahan



Sebahagian pendaki yang ditahan di HSK Semangko pada Sabtu.

**HULU SELANGOR** - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menahan seramai 50 individu kerana melakukan aktiviti pendakian tanpa permit sah di Hutan Simpanan Kekal (HSK) Semangko di sini pada Sabtu.

Pengarah JPNS, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, kesemua pendaki berusia 21 hingga 50 tahun itu ditahan dalam operasi khas pada jam 8 pagi.

Menurutnya, semua mereka ditahan hasil maklumat awam mengenai aktiviti pendakian besar-besaran yang dianjurkan individu persendirian.

"Hasil pemeriksaan mendapati semua pendaki melakukan kesalahan memasuki hutan simpan tanpa permit sah," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Ahmad Fadzil berkata, operasi itu disertai sepasukan 19 pegawai Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor (PHDHS) dan dua anggota polis dari Balai Polis Kuala Kubu Bharu.

"Operasi ini berakhir pada jam 6 petang dan semua individu yang ditahan dibawa ke Balai Polis Kuala Kubu Bharu untuk tindakan lanjut.

"Semua yang ditahan kemudian dibebaskan dengan jaminan polis, manakala kesalahan memasuki HSK tanpa permit sah boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan)," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**15 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | ADUN Morib nafi pukul bekas isteri |
| Muka Surat | : | 30 |

# ADUN Morib nafi pukul bekas isteri

**SHAH ALAM -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Morib, Hasnul Baharudin menafikan dakwaan beliau memukul bekas isterinya seperti dilaporkan dalam sebuah portal pada Sabtu.

"Laporan itu dalam siasatan dan tindakan polis. Saya menafikan dakwaan tersebut.

"Saya akan mendapatkan nasihat peguam untuk portal yang menyiarkan berita *prejudgement* sebelum pihak polis mengambil tindakan selanjutnya," katanya menerusi WhatsApp ketika diminta mengulas berkenaan perkara tersebut.

Menurut laporan sebuah portal, bekas isterinya, Juliani Jalilah Abdullah, 38, membuat laporan polis berhubung isu tersebut di Balai Polis Daerah Kuala Langat pada bulan lepas.

Berdasarkan laporan itu, kejadian didakwa berlaku pada 21 Ogos, ketika kedua-dua mereka masih merupakan pasangan suami isteri.

Menurut laporan tersebut, wanita itu ditampar pada bahagian muka hingga menyebabkan bibirnya pecah ketika suaminya memohon untuk poligami.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Ahmad Ridhwan Mohd Nor ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan tersebut.

Ahmad Ridhwan berkata, keterangan Hasnul, bekas isteri dan ahli keluarga telah diambil susulan laporan polis yang dibuat.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**13 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian Online |
| Tajuk Berita | : | 'Panas di luar, panas juga di dalam' |
| Muka Surat | : | - |



'Panas di luar, panas juga di dalam'

KUALA LUMPUR: 'Panas di luar, panas juga di dalam'.

Itu yang dapat disimpulkan untuk aksi 'tetangga Lembah Klang' membabitkan Selangor FC dan KL City FC yang masing-masing turun bagi merebut slot ke separuh akhir Piala Malaysia musim ini.

Malah, kehangatan aksi tetangga yang penuh bersejarah itu bukan setakat dirasai dalam kalangan penyokong kedua-dua pasukan, namun 'bahangnya' turut membabitkan pemain.

Mengulas mengenai pertembungan itu, penjaga gawang The Red Giants, Khairulazhan Khalid menegaskan pasukan lawan tidak boleh dipandang rendah, apatah lagi sedang berada dalam momentum terbaik ketika saingan peringkat kumpulan.

DISYORKAN UNTUK ANDA
- Klopp panggil balik Ward, tekan Mignolet, Bogdan
- Van Gaal optimis mampu selamatkan United
- Selangor FC tiada pilihan
- ABK20: Wan Aminul, Somerville harap cipta kejutan

Kata bekas penjaga gol Pahang itu, prestasi semasa yang ditunjukkan anak buah Bojan Hodak itu juga cukup memberi isyarat betapa mereka sememangnya antara pencabar terkuat dalam kempen musim ini.

"Beraksi di peringkat kalah mati sebenarnya suasana amat berbeza kerana setiap jaringan amat penting. Kita juga perlu kurangkan bolos terutama bermain di laman sendiri untuk saingan pertama.

"Sasaran utama kami adalah untuk tidak bolos apabila bertemu KL City di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan kami akan cuba sedaya upaya bagi menghalang mereka.

"Piala Malaysia menjadi antara sasaran utama kami pada musim ini bagi mendakap sekurang-kurangnya satu kejuaraan buat Selangor," katanya.

Sebagai rekod, Selangor adalah pasukan terbanyak memenangi Piala Malaysia dengan 33 gelaran, namun kali terakhir mendakap trofi terbabit adalah pada 2015.

BERITA BERKAITAN
- Penjaga gol Selangor tak dibuai pujian
- Red Giants gigit jari
- Sabah ikat Selangor di PJ
- Bukan faktor gaji - Faiz Nasir

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 13 November 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | KOSMO Online |
| Tajuk Berita | : | 2,000 siakap percuma diagih kepada penduduk DUN Jeram |
| Muka Surat | : | - |


Kosmo!

2,000 siakap percuma diagih kepada penduduk DUN Jeram

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>13 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Malaysiakini Online |
| Tajuk Berita | : | Adun Morib mengaku lafaz cerai melalui WhatsApp, kata bekas isteri |
| Muka Surat | : | - |



## Adun Morib lafaz cerai talak tiga melalui WhatsApp, kata bekas isteri

Mahkamah Rendah Syariah Kuala Langat pada Khamis lalu mengesahkan lafaz cerai yang dibuat di luar mahkamah melalui WhatsApp oleh Adun Morib, Hasnul Baharuddin terhadap isterinya, Juliani Jalilah Abdullah.

Ketika dihubungi, Juliani berkata Hasnul mengaku di mahkamah bahawa dia pada 14 Okt lalu menyatakan hasrat untuk menceraikannya dengan "talak tiga" melalui mesej WhatsApp.

"Sekarang saya dah berpisah dengan dia, dia ceraikan saya dengan talak tiga.

"YB Hasnul mengaku melafazkan talak melalui whatsapp

"Semalam (kami) ke mahkamah untuk prosiding pengesahan lafaz cerai. Kes dah selesai. Pihak YB (Hasnul) ada hadir tapi selepas prosiding saya dah tak nampak dia," kata Juliani, 38, kepada *Malaysiakini* semalam.

Juliani berkata dia berkahwin dengan Hasnul sebagai isteri ketiganya lapan tahun lalu, tetapi timbalan speaker DUN Selangor itu menceraikan dua isterinya sebelum ini - yang dikatakan atas permintaan mereka - kira-kira sebulan selepas perkahwinannya.

Bagaimanapun, beberapa bulan sebelum mereka bercerai, Juliani berkata Hasnul meminta kebenarannya untuk berkahwin semula dengan bekas isteri keduanya yang baru kematian suami pada Disember lalu.

"Saya bukan tidak setuju 100 peratus awalnya, saya kata 'kalau *you* adil *okaylah*'. Tapi selepas saya fikir beberapa hari, saya jadi tak boleh (terima) dan cuba pujuk dia. Dia jadi agresif, tak suka saya pujuk dia untuk batalkan niat dia," kata Juliani.

**Hal peribadi**

Ketika dihubungi untuk mendapatkan komen, Hasnul berkata perkara itu merupakan masalah peribadi mereka.

"Benda ni personal. Benda ni saya pun susah nak cerita, ini hal peribadi. Saya nak kahwin dengan siapa pun hak saya, cuma saya nak cakap masalah rumah tangga ini dah bertahun-tahun," katanya kepada *Malaysiakini*.

Dia juga enggan mengulas lanjut, namun mengesahkan keputusan mahkamah yang mengesahkan lafaz cerai tersebut.

"Saya sahkan benda itu (cerai) berlaku. Kita suami-isteri kalau dah tak boleh hidup bersama, itu langkah terakhir. Talak berapa saya tak nak komen," katanya.

agiliux
Cloud Insurance Software
Launch products faster.
Go digital with Policies and Claims

You Might Also Like
Smartfeed

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>13 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Malaysiakini Online |
| Tajuk Berita | : | Polis sahkan siasat Adun Morib berhubung dakwaan pukul bekas isteri |
| Muka Surat | : | - |





## Polis sahkan siasat Adun Morib berhubung dakwaan pukul bekas isteri

Polis mengesahkan telah memulakan siasatan terhadap Adun Morib, Hasnul Baharuddin berhubung dakwaan memukul bekas isterinya, Juliani Jalilah Abdullah berdasarkan laporan polis yang dibuat oleh wanita itu.

*Malaysiakini* melihat laporan yang dibuat di balai polis daerah Kuala Langat pada bulan lepas, berhubung kejadian yang didakwa berlaku pada 21 Ogos, ketika kedua-dua mereka masih merupakan pasangan suami isteri.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Ahmad Ridhwan Mohd Nor ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berkenaan dan pihaknya telah memulakan siasatan.

"Saya mengesahkan ada terima laporan polis tersebut sahaja. Saya ulas setakat tu dulu buat masa ini, tentang isi kandungan saya tak akan ulas apa-apa," kata Ridhwan kepada *Malaysiakini* semalam.




**'Laporan polis berniat jahat'**

Hasnul, yang merupakan Adun dari Amanah dan timbalan speaker DUN Selangor, mendakwa laporan itu dibuat dengan "niat jahat" selepas perceraian mereka.

"Laporan itu berniat jahat. Bukannya lepas berlaku dia terus *report* polis. Laporan itu dibuat selepas saya menceraikan dia, jadi berniat jahatlah.

"Polis pun dah siasat benda tu. Ringkasnya, kalau betul saya bersalah, polis akan ambil tindakan segeralah," katanya kepada *Malaysiakini*.



Juliani, 38, dalam laporannya, mendakwa Hasnul memukulnya kira-kira jam 11 malam pada 21 Ogos lalu di rumah mereka di Banting sehingga menyebabkan kecederaan di muka.

Dia berkata laporan itu dibuat beberapa bulan selepas kejadian itu untuk dikemukakan bagi rujukan Mahkamah Syariah dan tindakan lanjut terhadap Hasnul.

**'Dia terkam, tampar dua tiga kali'**

Ketika dihubungi, Juliani berkata dia tidak segera membuat laporan polis kerana Hasnul pada masa itu memujukkan untuk tidak berbuat demikian.

"Kejadian berlaku pada 21 Ogos, ketika itu saya kena pukul sebab suami saya minta nak berpoligami.

"Saya cuba nak pujuk dia masa tu, tapi tak diendahkan. *So* terjadi benda tu, dia nampak saya nangis tak boleh *control*, dia terkam, tampar dua tiga kali sampai pecah berdarah bibir saya. Masa tu saya belum buat laporan polis sebab dia pujuk untuk tak buat laporan," katanya.

Wanita berusia 38 tahun itu berkata dia memiliki gambar wajahnya yang diambil selepas kejadian itu yang turut dikemukakan kepada Mahkamah Rendah Syariah Kuala Langat.

Mahkamah berkenaan mengesahkan lafaz cerai yang dibuat di luar mahkamah melalui WhatsApp oleh Hasnul terhadap isterinya pada 14 Okt lepas.

Hasnul mengesahkan telah memberikan keterangan kepada pihak polis berhubung perkara itu.

You Might Also Like



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR<br>14 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | myMetro On-line |
| Tajuk Berita | **:** | Meraih keberkatan dalam perniagaan |
| Muka Surat | **:** | - |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**13 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | myMetro On-line |
| Tajuk Berita | : | 2,000 siakap percuma untuk golongan kurang mampu |
| Muka Surat | : | - |



## 2,000 siakap percuma untuk golongan kurang mampu

MOHD Shaid mengagihkan ikan siakap percuma kepada penduduk. FOTO Amirul Aiman Hamsuddin

Kuala Selangor: Sebanyak 2,000 ikan siakap disumbangkan kepada penduduk Dewan Undangan Negeri (Dun) Jeram di Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Jeram, Bandar Puncak Alam, di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jeram Mohd Shaid Rosli berkata, sejumlah RM20,000 diperuntukkan yang membabitkan lebih 700 penerima.

Beliau berkata, sumbangan itu memberi peluang dan membantu penduduk yang berpendapatan rendah mendapatkan ikan siakap percuma.

"Semua penerima dipilih secara rawak dan dihubungi untuk mendapatkan ikan itu.

"Pengagihan dijalankan oleh sukarelawan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan," katanya ketika ditemui, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya bersyukur program julung kali itu berjalan lancar dan bercadang meneruskan pengagihan untuk sumbangan lain pada tahun ini.

Sementara itu, seorang penerima, Zaki Rosli, 50, berkata, program pemberian itu sememangnya memberi peluang kepada golongan kurang berkemampuan untuk merasai ikan siakap secara percuma.

"Walaupun harga siakap pada hakikatnya tidak mahal, mungkin ada penduduk kampung tidak mampu untuk membelinya," katanya.

Disiarkan pada: November 13, 2021 @ 4:25pm

Artikel Berkaitan

'Kantin rakyat' pandu lalu untuk warga Jeram

Siakap percuma untuk golongan kurang mampu

Pusat Khidmat ADUN Jeram dipecah masuk

Karnival MyJeram medan pengerat ukhwah

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 13 November 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | myMetro On-line |
| Tajuk Berita | : | Red Giants ada formula perangkap KL City |
| Muka Surat | : | - |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR<br>14 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Selangor TV |
| Tajuk Berita | **:** | ADN Peruntuk RM50,000 Bagi Program Back To School |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
